

16 DEC 1996

Pasir

USAHASAMA PERLIS-SUMATERA UTARA BEKAL PASIR

KANGAR, 16 Dis (Bernama) -- Kerajaan Negeri Perlis bersama-sama dengan sebuah syarikat di Sumatera Utara, Indonesia akan menjalankan projek usahasama membekalkan pasir untuk keperluan pembangunan di negara ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, perjanjian usahasama itu membabitkan pelaburan bernilai kira-kira RM5 juta. Ia ditandatangani semasa lawatannya ke Indonesia Sabtu lepas, untuk menyertai Seminar Kerjasama Pembangunan Malaysia-Indonesia di Jakarta.

Di bawah usahasama itu, syarikat dari Sumatera Utara akan bersama-sama dengan anak syarikat Yayasan Islam Perlis mengendalikan kerja-kerja mengorek pasir di bawah laut Indonesia dan menjualkan kepada negeri-negeri di Malaysia, katanya kepada pemberita selepas menutup kem silaturrahim jabatan hal ehwal agama Islam negeri-negeri zon utara di Arau dekat sini hari ini.

Seramai 130 orang peserta terdiri daripada kakitangan jabatan-jabatan hal ehwal agama Islam negeri Perak, Perlis dan Pulau Pinang menyertai kem tiga hari itu.

Menurutnya, kerajaan negeri yakin usahasama itu boleh mendatangkan pulangan yang baik memandangkan banyak negeri memerlukan bahan itu sedangkan Malaysia tidak mempunyai bekalan pasir yang mencukupi untuk keperluan.

Kerajaan negeri juga telah menandatangani perjanjian untuk membeli pasir dari Aceh untuk keperluan projek menebus guna tanah di persisiran pantai Perlis membabitkan kawasan seluas 2,600 hektar dari sempadan Thailand hingga ke Sanglang.

Beliau berkata mengikut perjanjian itu, kerajaan Perlis dibenarkan membeli pasir dengan harga antara RM16 dan RM17 semeter padu dan kemudian dibekalkan kepada empat buah syarikat tempatan yang diberi konsesi untuk mengusahakan projek berkenaan secara penswastaan.

Menteri Besar juga berkata, laporan penilaian kesan alam sekitar projek berkenaan telah selesai dan projek pembinaannya akan dimulakan Mac tahun depan.

Kemudahan yang akan diwujudkan di bawah projek tebus guna tanah termasuk kawasan komersil, industri kecil dan sederhana, hotel, perumahan, marina dan jeti moden bernilai RM750 juta.

Beliau berkata projek berkenaan dijangka dapat menarik pelabur ke negeri ini serta negeri dan wilayah dalam lingkungan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Sebelum ini, 13 syarikat telah menandatangani memorandum persefahaman untuk projek berkenaan secara serentak disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatan rasminya ke negeri ini pada 12 April lepas. -- BERNAMA

IQ FAZ